

Pungutan suara: ISA mungkin digunakan

KOTA BELUD, Khamis -- Kerajaan akan mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), terhadap mereka yang cuba mengadakan pungutan suara mengenai kedudukan Sabah dalam Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedang mengawasi kegiatan golongan itu dan tidak teragak-agak bertindak tegas termasuk menahan mreka mengikut ISA jika dirasakan perlu.

"Kita telah membentuk Malaysia melalui pungutan suara. Dan tidak perlu diada-

kan pungutan yang kerap kerana ia boleh menyebabkan negara tidak stabil.

Oleh itu, sebarang usaha untuk keluar dari Persekutuan adalah melanang undang-undang dan tindakan tegas tetap akan diambil," katanya menjawab soalan pemberita selepas meletakkan batu peringatan kemenangan pertama Umno Sabah, di sini, pagi ini.

Ditanya sejauh mana serius kegiatan itu mengancam keselamatan negara, Perdana Menteri berkata: "Setakat ini tidak, tetapi kalau dibiarkan berterusan boleh memudaratkan...sama seperti api yang menjadi kawan sewaktu kecil,

tetapi menjadi lawan apabila besar."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai langkah membandungnya, kerajaan akan memberi penerangan secara jelas kepada rakyat mengenai bahaya tindakan sedemikian.

Beliau juga menegaskan, tindakan mengikut ISA bukan hanya untuk pembangkang, sebaliknya pemimpin kerajaan yang didapati memudaratkan keselamatan negara, juga akan dikenakan tindakan itu.

"Jangan anggap ISA untuk parti lawan saja...kalau ahli parti kerajaan melakukan kegiatan yang perlu menggunakan ISA, kita akan guna. Pendekata, siapa juga yang

mengambil tindakan berbahaya kepada negara akan dikenakan tindakan mengikut ISA," katanya.

Mengenai penahanan beberapa orang di Tambunan, kerana memasang poster anti-Malaysia, Perdana Menteri berkata ia adalah perbuatan berbahaya dan boleh menimbulkan ketegangan.

"Tindakan seperti itu boleh memecahbelahkan rakyat, menimbulkan rusuhan dan peristiwa tidak diinginkan, kaum berperang sesama sendiri dan ia sudah tentu amat berbahaya.

"Walaupun tindakan itu belum mencetuskan apa-apa, kita harus anggap ia sebagai

LIHAT MUKA 2

Jangan salah guna sikap lembut Kerajaan Pusat

13 SEP 1991
DARI MUKA 1

bit perpecahan yang boleh mendatangkan bahaya," tegasnya.

Beliau juga berkata, jika tindakan awal tidak diambil, ia akan membesar dan apabila sudah besar mungkin sukar untuk dikawal.

Dalam beberapa keadaan, kata Perdana Menteri, kerajaan tetap berlembut dan tidak menggunakan kekerasan untuk mencari penyelesaian. Namun, katanya, sikap lembut Kerajaan Pusat itu jangan pula dianggap sebagai satu kelemahan.

Terdahulu dalam ucapannya di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran terhadap golongan tertentu di negeri ini supaya jangan membangkitkan semula soal pungutan suara itu.

"Kita sudah pilih dan ditentukan bahawa timbul tenggelam Sabah bersama Sarawak dan Semenanjung. Persoalan ini (kedudukan dalam Y'aysia) tidak patut diungkit lagi.

"Lagipun perbuatan ini bertentangan dengan undang-undang ne-

gara dan sesiapa yang membuat pilihan semacam ini dianggap memecah undang-undang. Oleh itu, pihak terbabit jangan marah jika dikenakan tindakan undang-undang," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, tindakan undang-undang tidak mengenal parti atau kaum tertentu, sebaliknya dikenakan terhadap sesiapa saja yang terbukti melanggarnya.

Menurutnya, undang-undang perlu dipelihara dan mereka yang dikenakan tindakan kerana melanggarnya jangan tersinggung atau berasa teraniaya.

"Tindakan itu diambil kerana undang-undang dan bukankah kerana dari parti atau kaum tertentu," katanya.

"Kita akan lihat dan kalau undang-undang kita tangkap," katanya.

Menurut Perdana Menteri, perbuatan golongan tertentu untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia bukannya kerana rakyat atau negeri ini, sebaliknya untuk kepentingan mereka sendiri.